

08 MAY 2003

Kurup-Mahathir

KUNJUNGAN DR MAHATHIR DINANTI PENDUDUK KENINGAU

KOTA KINABALU, 8 Mei (Bernama) -- Penduduk Keningau tidak sabar menunggu kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat depan (16 Mei), kata Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Tan Sri Joseph Kurup.

Penduduk di situ mahu menyatakan penghargaan mereka kepada Dr Mahathir kerana daerah itu telah banyak berubah wajah hasil pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN), khasnya selepas lawatan Dr Mahathir ke daerah pedalaman Sabah itu pada 1998.

"Lawatan Dr Mahathir ke daerah penempatan kaum Kadazandusun dan Murut pada 1998 diatur oleh PBRs," katanya selepas melancarkan Pas Tiket Bermusim bagi kemudahan riadah di Kompleks Sukan Kota Kinabalu di sini, hari ini.

Mengenai lawatan Dr Mahathir kali ini, Kurup yang juga Menteri Belia dan Sukan Sabah berkata: "Saya rasa PM mahu ke sana sekali lagi untuk melihat sendiri sama ada penduduk di situ berada dalam keadaan yang selesa kerana sejak lawatan terakhir beliau banyak perubahan telah berlaku di Keningau."

Menurut maklumat balas yang diterima oleh beliau, ramai penduduk di daerah yang terletak 133 km dari ibu negeri itu ingin menemui Dr Mahathir yang akan merasmikan Kongres Tahunan Kelapan PBRs yang akan diadakan di Keningau pada hari itu, katanya.

Kali terakhir Dr Mahathir berkunjung ke Sabah ialah pada Mac 2001 semasa beliau merasmikan Taman Pertanian Sabah di Tenom.

Kurup juga berkata lawatan Dr Mahathir ke Keningau menunjukkan bahawa beliau adalah seorang pemimpin yang tidak mudah lupa sumbangan seseorang kepada kerajaan Barisan Nasional.

PBRs dilahirkan semasa hubungan antara Kerajaan Negeri dengan kerajaan persekutuan tidak begitu mesra pada ketika itu, dan beliau percaya ini adalah satu perkara yang Dr Mahathir masih ingat, katanya lagi.

Ditanya mengenai agenda kongres PBRs kali ini, Kurup berkata tidak ada usul khusus yang akan dibentangkan atau dibincangkan tetapi kongres pada kali ini adalah untuk meminda perlembagaan parti.

Perlembagaan parti itu perlu dipinda kerana banyak daripada peruntukan yang terkandung di dalamnya tidak jelas dan jika timbul masalah yang membabitkan perlembagaan, pihak parti terpaksa mengambil khidmat peguam untuk mendapatkan penjelasan atau penyelesaian dan ini memakan masa dan melibatkan kos, katanya.

Ditanya sama ada pindaan itu diambil untuk menyelesaikan masalah perebutan jawatan tertinggi parti antara beliau dengan bekas timbalannya Datuk Dr Jeffrey Kitingan pada Kongres Ke Tujuh Januari 2002, Kurup berkata itu adalah satu perkara yang perlu diperkukuhkan dan diperjelaskan lagi.

Mengenai isu penggiliran Ketua Menteri Sabah, Kurup berkata setiap pemimpin komponen BN perlu jujur dan ikhlas dalam perbincangan isu ini sama ada untuk meneruskan atau tidak sistem itu dan jika ia dimansuhkan apakah bentuk sistem gantian yang akan dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

"Apa yang saya lihat beberapa tahun lalu ada orang cakap tidak mahu tetapi apabila diberi jawatan itu (Ketua Menteri) dia mahu juga. Ini akan menjadi penghalang kepada perbincangan kita," katanya.

Di bawah sistem penggiliran Ketua Menteri di Sabah, pemimpin daripada Umno yang mewakili kaum Bumiputera Islam di negeri itu akan memegang jawatan itu selama dua penggal dalam setiap kitaran, sementara pemimpin kaum Bumiputera bukan Islam dan Cina masing-masing akan memegang jawatan

itu selama sepenggal atau dua tahun.
-- BERNAMA
MK PR